

# Ismail Sabri minta RoS segera buat keputusan

Jika ditetapkan pada PAU tidak sah mungkin ramai mahu bertanding

Oleh Sariha Mohd Ali dan Zanariah Abd Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa Pendaftar Pertubuhan (RoS) membuat keputusan segera berhubung usul jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO tidak dipertandingkan pada pemilihan parti itu, 18 Mac ini.

Ismail Sabri yang baru-baru ini mengumumkan tidak mempertahankan jawatan Naib Presiden UMNO, berkata jika RoS membuat keputusan ditetapkan Perhimpunan Agung UMNO (PAU) itu sebagai tidak sah, mungkin ramai calon akan bertanding bagi merebut dua jawatan tertinggi parti itu, termasuk mereka yang sudah mengumumkan untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

“Justeru, RoS perlu membuat keputusan dengan cepat mengenai perkara itu dan jika ia tidak sah

(melarang pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO), RoS mempunyai kuasa untuk menangguhkan pemilihan.

“Susulan itu, UMNO perlu membuka semula pencalonan untuk semua jawatan,” katanya kepada *BH*, semalam.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding bagi dua jawatan itu jika RoS memutuskan usul yang diputuskan pada PAU 2022 baru-baru ini tidak sah, Ismail Sabri berkata, beliau belum membuat keputusan mengenainya.

Ditanya keputusannya tidak mempertahankan jawatan Naib Presiden pada pemilihan kali ini, Ismail Sabri berkata, ia selari dengan pendiriannya bahawa usul tidak dipertandingkan dua jawatan tertinggi itu sebagai tidak berperlembagaan.

“Jika saya masuk bertanding jawatan Naib Presiden, macam saya sendiri restui keputusan PAU, sedangkan saya kata keputusan itu tidak berperlembagaan,” katanya.

RoS sebelum ini memberikan tempoh 60 hari bermula 20 Januari lalu kepada UMNO untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan susulan aduan dua ahli parti itu supaya semakan dibuat terhadap usul tambahan yang diluluskan semasa

PAU 2022.

Pada 15 Februari lalu, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, parti itu yakin RoS akan meluluskan usul tambahan itu kerana UMNO mematuhi segala peraturan mesyuarat yang sudah ditetapkan dan selari dengan perlembagaan parti itu, selain penjelasan mengenainya sudah dibuat kepada RoS.

Sementara itu, Ismail Sabri menafikan dakwaan beliau mahu bersara daripada politik, sebaliknya menegaskan akan terus aktif dalam dunia politik selaku Ahli Parlimen Bera walaupun tidak lagi bergelar Naib presiden UMNO.

Katanya, behau juga kekal menjalankan tanggungjawab sebagai Ketua UMNO Bahagian Bera selepas menang tanpa bertanding, apabila dimaklumkan Setiausaha UMNO Bera bahawa dirinya adalah calon tunggal untuk jawatan itu selepas tiada pencalonan lain diterima apabila tempoh pencalonan ditutup pada jam 5 petang Ahad lalu.

“Saya masih Ahli Parlimen Bera, jadi saya akan terus menjalankan tugas sebagai ketua bahagian. Tiada sebab untuk bersara, saya tidak pernah kata hendak bersara, cuma saya beri bayangan tidak bertanding sebagai Naib Presiden,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penu-

tupan Latih Amal Bera 2023 di Bera Waterfront, di Bera, semalam.

Majlis itu anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang membabitkan latihan menyelamatkan ketika banjir yang disertai 70 wakil agensi penyelamat dan ketua komuniti setempat sekitar daerah itu.

Walaupun difahamkan sudah menang tanpa bertanding, Ismail Sabri berkata, beliau menunggu keputusan muktamad daripada Ibu Pejabat UMNO mengenai keputusan jawatan Ketua UMNO Bahagian Bera itu.

Mengulas jika behau akan membuat kemunculan semula dalam apa-apa jawatan tertinggi parti pada masa depan atau terus mempertahankan kerusi Ahli Parlimen Bera pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang, Ismail Sabri berkata, ia akan ditentukan oleh masa.

“Lima tahun masa yang panjang. Saya sudah tua pada waktu itu, sudah 68 tahun.

“Pada sesetengah orang usia 68 masih muda dan ada orang berasa tua. Tengoklah (untuk bertanding PRU), saya sudah melahirkan pemimpin muda di Bera.

“Kalau mereka tunjukkan prestasi baik, saya tiada masalah memberi laluan kepada mereka. Lima tahun tempoh yang panjang, apa-apa boleh terjadi, kita tunggu,” katanya.